

KEPENTINGAN MODAL SOSIAL BERTERASKAN NILAI ISLAM KE ARAH GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA NASIONAL

Luqman Mahmud
Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Bandar Baharu
Email: luqman@jkm.gov.my

Ayu Nor Azilah Mohamad
Universiti Islam Selangor
Email: ayunorazilah@uis.edu.my

ABSTRAK

Umum sedia maklum tentang kepentingan modal di dalam setiap organisasi. Hal ini kerana ia amat diperlukan untuk kelestarian bagi sesebuah organisasi ke arah berdaya maju. Modal yang selalu diambil berat oleh organisasi adalah seperti modal aset yang terdiri dari kewangan dan fizikal seperti bangunan dan mesin. Selain itu, modal insan yang dipopularkan oleh Perdana Menteri Malaysia Kelima iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi yang juga digelar sebagai Bapa Pembangunan Modal Insan Malaysia menekankan kepentingan insan sebagai sebuah aset penting yang menentukan kecemerlangan sesuatu organisasi yang terdiri daripada kemahiran individu yang terlibat di dalam sesuatu pekerjaan. Namun begitu, terdapat satu lagi jenis modal yang sering diabaikan iaitu modal sosial. Ia merupakan satu aspek modal yang mengfokuskan kepada hubungan sosial yang mempunyai faedah yang baik kepada organisasi. Sebagai contoh modal insan yang berkemahiran tinggi seperti jurutera dapat meningkatkan produktivi kepada organisasi apabila dipercayai sebagai seorang yang berintegriti tinggi. Hal ini selaras dengan hasrat Perdana Menteri Malaysia Kesepuluh iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim ke arah Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional bagi mengekang penyelewengan, penyalahgunaan kuasa serta ketirisan selama ini menghambat kemampanan pembangunan negara. Oleh itu, kertas kerja ini ditulis untuk menerangkan bagaimana elemen-elemen modal sosial dapat membantu organisasi mencapai pemantapan tatakelola menurut nerara Islam. Metodologi kajian kepustakaan digunakan bagi menjawab persoalan ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa banyak dalil Al Quran dan As Sunnah telah menggariskan panduan bagi mencapai modal sosial. Ini jelas menunjukkan bahawa elemen modal sosial berteraskan Islam amat penting untuk disemat dalam jiwa setiap warga Malaysia demi mencapai pemantapan tatakelola nasional yang tinggi.

Kata Kunci : Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional, Modal Sosial, Quran dan Sunnah

1. Pengenalan

Pembentukan modal sosial di Malaysia melalui beberapa peringkat yang bermula daripada zaman kesultanan Melayu. Pembentukan ini kemudian terhalang dengan pelbagai peristiwa penting yang berlaku pada waktu tersebut seperti kedatangan penjajah yang bermotifkan untuk mengaut kekayaan sumber alam Tanah Melayu. Kemasukan imigran dari China dan India yang dibawa masuk oleh penjajah British menyebabkan jaringan sosial di Tanah Melayu pada waktu itu semakin meregang akibat penempatan masyarakat yang diasingkan mengikut kaum. Penempatan masyarakat pada masa tersebut juga dipengaruhi oleh faktor pekerjaan yang berbeza-beza antara kaum seperti orang Melayu dengan pekerjaan tradisional, orang Cina dengan aktiviti perlombongan dan perniagaan manakala orang India dengan aktiviti menorah getah. Perbezaan aktiviti pekerjaan ini seterusnya menyebabkan cabaran kepada pembentukan modal sosial di Malaysia sehingga sekarang. Pembangunan dan kejayaan dalam modal insan dapat dicapai dengan baik sekiranya setiap individu dalam komuniti mengamalkan prinsip penerimaan antara satu sama lain, mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi antara satu sama lain serta komited terhadap peranan dan tanggungjawab masing-masing (Noor Dzaharah et al., 2015).

Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional (GPTN) yang dilancarkan pada 5 Disember 2023 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan

platform untuk mencapai objektif meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Prinsip-prinsip tatakelola yang baik seperti akauntabiliti, ketelusan, dan kepelbagaian ditekankan untuk meningkatkan kualiti sektor awam dan memastikan perkhidmatan awam disampaikan dengan lebih berintegriti. Terdapat empat terma rujukan bagi GPTN seperti Reformasi Institusi, Dasar dan Undang-undang, Sistem dan Prosedur Kerja, Pemantauan dan Penilaian dan Pembudayaan Amalan Nilai dan Tatakelola Baik. Artikel ini mengfokuskan pada terma GPTN yang keempat iaitu Pembudayaan Amalan Nilai dan Tatakelola Baik yang boleh diperkukuhkan melalui modal sosial dalam kalangan masyarakat.

Modal sosial adalah satu bentuk jaringan, norma, persahabatan, nilai-nilai, serta kesefahaman yang dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti kerjasama dalam sesebuah organisasi (Akbar et al., 2023). Ia terdiri daripada tiga komponen utama iaitu jaringan sosial, norma sosial, dan peraturan sosial. Jaringan sosial merujuk kepada hubungan antara individu yang dapat meningkatkan aliran maklumat bagi mencapai sesuatu yang baik, seperti semangat kerjasama yang tinggi dalam organisasi. Norma sosial pula ialah satu peraturan atau adat yang diterima oleh organisasi untuk meningkatkan tahap kerjasama dan pemahaman di antara ahli-ahlinya. Manakala peraturan sosial adalah undang-undang yang mengikat keharmonian dalam organisasi untuk menyelesaikan krisis di tempat kerja (Saukani & Ismail, 2018).

Modal sosial merupakan suatu aset yang kompleks kerana melibatkan jalinan yang khusus terhadap sesebuah organisasi dalam pelbagai kumpulan dengan hubungan yang berbeza tahap dan lapisan, yang dapat merangsang pembinaan organisasi yang efektif (Jones et al., 2008). Modal sosial bergerak dalam pelbagai cara, seperti aliran maklumat dan pertukaran idea yang dapat meningkatkan produktiviti pekerjaan serta peluang-peluang pekerjaan. Selain itu, ia terbentuk melalui jaringan sosial yang meruntuhkan dinding penghalang generasi atau perkauman, yang dapat meningkatkan kelancaran organisasi. Modal sosial juga dijalankan melalui norma-norma atau undang-undang yang menjaga keselamatan dan keharmonian organisasi (Putnam, 2009).

Modal sosial juga adalah sesuatu yang universal kerana berkait rapat dengan pelbagai aspek seperti kesihatan, pertumbuhan ekonomi, integrasi kawasan, dan globalisasi. Ia merupakan sesuatu yang tersirat, menjadikan pengukuran yang tepat sukar untuk diperolehi. Pengukuran modal sosial dapat meningkatkan pemahaman mengenai fungsi sosial dan bagaimana jaringan dan rantaian digunakan untuk memberi sumbangan positif kepada individu, organisasi, dan masyarakat (Field, 2017).

Modal sosial boleh diukur dengan menggunakan pelbagai petunjuk yang bersifat subjektif. Sebagai contoh, ukuran tahap kepercayaan antara individu, penglibatan ahli masyarakat dalam organisasi atau pertubuhan, semangat sukarela, kadar jenayah atau penipuan, dan penglibatan dalam aktiviti sosial yang tidak formal (Ismail et al., 2016). Namun tidak banyak penulisan yang menerangkan konsep modal sosial melalui petunjuk Al-Quran dan As Sunnah. Penulisan ini akan menerangkan bagaimana konsep Islam dapat dijadikan panduan untuk menjalankan modal sosial ke arah pembangunan insan yang berintegriti tinggi.

2. Sejarah Modal Sosial Barat

Di Barat, konsep modal sosial timbul dari gagasan bahawa manusia tidak mampu menangani pelbagai masalah yang dihadapi secara individu. Kerjasama dan kebersamaan dari semua anggota masyarakat yang berkepentingan diperlukan untuk menangani masalah tersebut. Konsep modal sosial berkembang pada dua dekad terakhir abad ke-20. Sejak tahun 1990-an penghayatan terhadap modal sosial kian meningkat melalui pengajian, penyelidikan dan penerbitan. Konsep dan semangat modal sosial memiliki sejarah intelektual yang panjang dalam ilmu-ilmu sosial. Pemikiran modal sosial

dapat dilihat dengan kemunculan Adam Smith pada abad ke-18 berkembang melalui kajian ekonomi yang dimasukkan unsur modal sosial disebut sebagai “social contract”. Pemikiran seperti ini pertama kali muncul pada awal abad ke-20 oleh seorang pendidik Amerika bernama Lyda Judson Hanifan. Hanifan menyatakan bahawa modal sosial sama pentingnya dengan modal aset dan fizikal dalam kehidupan berkemuniti. Baginya, modal sosial merangkumi niat baik, nilai persahabatan, simpati dan empati, serta hubungan sosial dan kerjasama yang rapat antara individu dalam organisasi atau keluarga yang membentuk satu kumpulan sosial (Hanifan, 1916). Pendirian ilmu sosiologi pada abad ke-19 secara khususnya tertarik bagaimana ikatan sosial antara manusia menjadi penghubung yang menyatukan jalinan masyarakat yang lebih luas.

Walaupun Hanifan telah menggunakan istilah modal sosial hampir seabad yang lalu, istilah ini mulai popular dalam kalangan akademik sejak akhir tahun 1980-an. Pierre Bourdieu, seorang pakar sosiologi Perancis terkenal, mengemukakan bahawa untuk memahami struktur dan fungsi sistem organisasi, modal perlu dibahas secara holistik, tidak cukup hanya membahas modal fizikal dan manusiawi seperti yang terdapat dalam teori ekonomi. Ini penting kerana setiap transaksi modal fizikal biasanya disertai dengan modal budaya dan sosial (Bourdieu, 1986). Bourdieu (1986) menjelaskan perbezaan antara modal ekonomi, modal budaya, dan modal sosial untuk menunjukkan bagaimana ketiganya dapat dibandingkan dari segi kemudahannya untuk dikomersialkan. Modal fizikal seperti aset mudah dikomersialkan dalam bentuk produk dan hak milik. Walaupun begitu, modal budaya juga boleh dikomersialkan dan menjadi nilai tambah dalam organisasi. Demikian juga, modal sosial dapat dikomersialkan oleh organisasi.

Organisasi yang memiliki kumpulan jurutera yang mahir dan berintegriti dapat meningkatkan nilai ekonomi dengan mengurangkan pembaziran dalam perbelanjaan, meningkatkan kepercayaan pihak luar yang berurusan dengan syarikat, dan meningkatkan kualiti kerja yang optimum. Ini akan memberi pulangan dalam bentuk keuntungan syarikat. Idea Bourdieu telah dikembangkan melalui penulisan James Coleman, Robert Putnam, dan Francis Fukuyama. Melalui penulisan mereka, konsep modal sosial mulai mendapat perhatian yang meluas dari pelbagai lapisan organisasi. Ini kerana ia merupakan pendekatan yang baik untuk memahami dinamika masyarakat atau sebagai alat yang berkesan untuk membantu meningkatkan faktor ekonomi organisasi, terutama dalam masyarakat di negara-negara membangun (Syahra, 2003).

Konsep modal sosial menjadi popular selepas kemunculan empat orang tokoh pada akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 iaitu Pierre Bourdieu, James S Coleman, Robert D. Putnam dan Francis Fukuyama (Field, 2008). Para ilmuwan tersebut datang dengan pelbagai definisi mengenai modal sosial berdasarkan sasaran dan ruang lingkup kajian masing-masing. Namun begitu, kesemuanya disimpulkan secara sederhana oleh World Bank sebagai “the norms and networks that enable people to act collectively” (Woolcock; Narayan, 1999). Apapun definisinya, nilai atau semangat yang menjiwai modal sosial adalah “trust, goodwill, reciprocity, solidarity, civic engagement.” Beberapa penulis yang memberi penekanan kepada “trust” oleh Fukuyama (1995) diertikan sama dengan modal sosial oleh Coleman sebagai sebuah kewujudan modal sosial. Sedangkan Lin (1999) mentakrifkan sebagai aset kolektif yang dihasilkan oleh modal sosial. Penulis lain memberi penekanan kepada “goodwill” (Adler, Kwon, 2002) sebagai sumber modal sosial (Ginandjar, 2017).

3. Sejarah Modal Sosial Dalam Dunia Islam

Pandangan Islam tentang modal sosial tercermin dalam Surah Al-Hujurat ayat 10:

Maksudnya: *"Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, karena itu damaikanlah antara kedua saudaramu (yang berselisih) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat"* (Al- Hujurat: 10)

Hubungan antara mukmin dengan mukmin lainnya adalah seperti ikatan persaudaraan yang kuat dan erat. Jika terjadi perselisihan, maka hendaklah diselesaikan dengan hikmah. Inilah modal sosial yang

ditanamkan oleh Islam. Akibatnya adalah rahmat Allah yang melimpah dan menjadi Negeri yang baik di sisi Tuhan yang Maha Pengampun. Syariah adalah norma yang harus dijadikan sebagai panduan, rujukan, dan pedoman.

Manusia diciptakan dalam beragam bentuk, bahasa, dan adat. Ini untuk saling mengenal satu sama lain, sebagaimana disebutkan dalam Surah Al-Hujurat ayat 13:

Maksudnya: *"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwa di antara kamu, bukan yang lebih keturunan atau bangsanya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya akan keadaan dan amalan kamu."* (Al- Hujurat: 13)

Dengan menjalin silaturahmi yang dalam, jaringan akan terbentuk dengan luas. Silaturahmi adalah kunci untuk membuka pintu rezeki antara satu sama lain. Mereka yang senantiasa menjaga ukhuwah akan melapangkan rezeki dan juga memperpanjang umur mereka. Rasulullah ﷺ memberikan teladan penting dalam membangun modal sosial. Kaum Muhajirin hijrah dari Makkah ke Madinah meninggalkan harta dan kekayaan mereka. Hijrah Rasulullah ﷺ juga telah mempersaudarakan mereka dengan kaum Ansar Madinah. Dikisahkan bahwa 45 orang Muhajirin dipersaudarakan dengan 45 orang Ansar (Ibn Sa'ad, 1968). Dalam riwayat lain, mereka dikatakan 50 orang dari Muhajirin dan 50 orang dari Ansar. Seorang Ansar menolong seorang Muhajirin (Santeri et al., 2023). Persaudaraan tersebut tidak didasarkan pada fanatisme etnis, tetapi pada dasar keimanan.

4. Elemen Modal Sosial dalam Kerangka Islam

Agama Islam mengajarkan seseorang untuk menjaga hubungan baik dengan Allah dan dengan sesama manusia. Secara ringkasnya, Allah tidak akan memuliakan orang yang hanya berhubungan dengan Allah, tetapi tidak memiliki hubungan yang baik dengan sesama manusia.

Namun demikian, Allah juga tidak akan merestui mereka yang tidak mau mengenal dan mengikuti perintah Allah sebagai Tuhan yang Maha Esa, walaupun mereka telah menjalin hubungan baik dengan sesama manusia. Hal ini disebutkan dalam Al-Qur'an Surah Ali 'Imran ayat 112:

Maksudnya: *"Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka (berpegang) pada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia. Mereka mendapat murka dari Allah dan (selalu) diliputi kesengsaraan. Yang demikian itu karena mereka mengingkari ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi, tanpa hak (alasan yang benar). Yang demikian itu karena mereka durhaka dan melampaui batas"*

Beberapa ajaran dalam Islam memiliki potensi menjadi modal sosial untuk pengembangan masyarakat. Berikut beberapa ajaran yang dapat mendorong umat Islam untuk bergerak bersama memberikan perhatian dan dorongan terhadap sesama muslim yang mengalami kesusahan, serta mampu menumbuhkan rasa saling percaya di antara sesama muslim:

4.1 Ummah Wahidah

Konsep ini diambil dari ayat Al-Qur'an Surah Al-Baqarah ayat 213. Ummah Wahidah mengacu pada kesadaran bahwa umat Islam adalah satu kerana memiliki sistem keyakinan yang sama, iaitu menyembah Allah yang Maha Esa. Dalam Islam, kemaslahatan umat manusia dan keutuhan sosial sangat penting kerana mampu memberikan dasar pemikiran strategik untuk dinamika kehidupan

manusia dan menjadi tanggungjawab bersama bagi manusia sebagai khalifah di bumi. Atas faktor itu seluruh kehidupan manusia sama ada berkaitan dengan keselamatan dan kesejahteraan menjadi tanggungjawab bersama. Bukan bersifat individual. Oleh itu dalam fiqh Islam dikenali Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah. Fardhu 'Ain lebih berorientasi kepada individual tetapi Fardhu Kifayah menjurus kepada sosial, solidariti dan kebersamaan. Ini bermakna seseorang harus bertanggungjawab dalam kehidupan bersama dan memainkan peranan dalam komuniti. Konsep ini tidak sama dengan konsep sama rata yang pernah dipromosikan pada tahun 1965-an. Hal ini kerana meskipun memiliki ketua yang berperanan penting, bukan bermakna orang lain boleh menggunakan atau mengambil harta orang lain tanpa keizinan pemiliknya. Untuk itu, Islam menawarkan konsep persaudaraan (ukhuzvivah, persatuan (muwahhidah) dan kesamaan (Tasamuh) (Rofik & Asyhabuddin, 2005).

4.2 Ukhuwah

Konsep persaudaraan antara muslim, diambil dari beberapa ayat Al-Qur'an dan hadis Rasulullah. Persaudaraan antara muslim menciptakan rasa saling percaya, di mana sesama saudara tidak saling mengkhianati. Nabi Muhammad ﷺ sendiri memberikan contoh praktis dengan mempersaudarakan antara Muhajirin dan Ansar.

Ini dibuktikan dalam surah Ali Imran, ayat 103 dan al-Hujurat: ayat 10:

Maksudnya: *"Sesungguhnya orang-orang mu'min itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua saudaramu"*.

Konsep ini memberi keyakinan bahawa muslim merasa memiliki ikatan dengan sesama muslim lain. Malah juga mampu membina rasa percaya dari seorang muslim terhadap muslim yang lain. Bahkan dalam Piagam Madinah, Baginda ﷺ juga memasukkan kaum Yahudi sebagai sebahagian daripada komuniti dalam negara Madinah.

4.3 Ta'awun

Ta'awun ialah ajaran saling menolong. Ini diambil dari Surah Al-Maidah ayat 2;

Maksudnya: *"Dan tolong menolonglah kamu sekalian dalam berbuat kebajikan dan taqwa"*.

Ini merupakan norma yang mendorong umat Islam untuk bergerak bersama secara kolektif memberikan perhatian dan dukungan untuk meringankan beban penderitaan saudaranya. Hal ini kerana ta'awun memiliki pengaruh yang luar biasa dalam membina Masyarakat, kehidupan umat dan individu. Oleh sebab itu, ta'awun menjadi aktiviti yang paling utama di sisi Allah SWT. Contohnya, ketika Nabi mendengarkan pujian beberapa sahabat tentang seseorang dalam suatu perjalanan. Sahabat berkata;

"Kami tidak pernah melihat seorangpun seperti si Fulan. Dalam perjalanan dia selalu membaca al-Qur'an. Dan tidaklah dia singgah di suatu tempat kecuali melakukan solat." Rasulullah ﷺ bertanya, *"Siapa yang memenuhi keperluan hidupnya?. Siapa yang memberi makan unta tunggangannya? Mereka menjawab, "Kami."* Nabi ﷺ menjawab semula, *"Kamu sekalian lebih baik daripada."* (Mushthafa et al., 2002).

4.4 Ihsan

Ihsan dari sudut bahasa yang bererti berbuat kebaikan, dermawan dan kemurahan hati. Dari makna istilah pula ialah ikhlas dan berbuat sebaik mungkin dengan mengikhhlaskan ibadah hanya untuk Allah SWT (Ahmad, 1984). Ini merupakan ajaran penting dalam Islam. Keyakinan bahwa Allah menyaksikan segala yang dilakukan oleh hambaNya mendorong manusia untuk berbuat baik kepada sesama manusia dan menghindari perbuatan buruk seperti rasuah dan khianat terhadap sesama muslim (Rofik & Asyhabuddin, 2005).

4.5 Khalifah

Konsep kepemimpinan dalam Islam memberikan contoh dan pedoman yang jelas untuk pembinaan modal sosial. Rasulullah ﷺ adalah teladan terbaik yang harus diteladani. Baginda telah menunjukkan contoh kepemimpinan yang terbaik sebagai ayah, suami, datuk, dan pemimpin negara yang penuh kasih, penyayang, rendah hati, mendengarkan pendapat orang lain, dan dikasihi oleh mereka di sekelilingnya.

Selain itu, Rasulullah ﷺ mempraktikkan adab dan kesopanan dalam interaksi dengan sesama manusia, tanpa memandang kawan atau lawan, bangsa, atau keturunan. Baginda juga menonjolkan diri dengan sifat-sifat mulia seperti menepati janji, ramah, dan sabar.

Kepemimpinan dalam Islam adalah amanah dan tanggung jawab besar yang harus dilaksanakan dengan ikhlas, jujur, dan sungguh-sungguh. Rasulullah ﷺ bersabda: "Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggung jawab terhadap pimpinannya, seorang imam adalah pemimpin dan dia bertanggung jawab terhadap rakyatnya, seorang suami adalah pemimpin keluarganya dan dia bertanggung jawab terhadap keluarganya, seorang istri adalah pemimpin rumah tangga suaminya dan dia bertanggung jawab terhadap yang dipimpinya, seorang pelayan adalah pemimpin terhadap harta tuannya dan dia bertanggung jawab terhadap harta tuannya" (Riwayat al-Bukhari).

Sebagai pemimpin, baik di tingkat negara maupun dalam organisasi kecil, seseorang harus melaksanakan tanggung jawab kepemimpinan dengan sungguh-sungguh, bukan dengan menipu atau menzalimi rakyat. Tindakan menipu rakyat akan diadili dan diberi pembalasan oleh Allah SWT pada hari kiamat, dan Allah mengharamkan syurga bagi pemimpin yang menipu rakyat. Oleh karena itu, para pemimpin harus memiliki sifat amanah dan bertanggung jawab terhadap rakyat. Dengan menerapkan ajaran-ajaran ini, umat Islam dapat membangun modal sosial yang kuat dalam masyarakat dan menciptakan lingkungan yang saling peduli dan bertanggung jawab (Mohd Zaid & Hashim, 2022).

4.6 Takwa

Bagi umat Islam, melakukan kebaikan tanpa disaksikan orang lain bukanlah sesuatu yang istimewa kerana pertama, umat Islam diajar sejak kecil lagi bahawa Allah SWT Maha Melihat (al-Basar) dan Maha Mengetahui (al-Alim) apa jua yang dilakukan oleh manusia, sama ada di depan umum atau secara bersendirian. Bahkan, lintasan hati pun diketahui oleh Allah SWT. Kedua, setiap tindakan yang dilakukan bukanlah untuk mendapat pujian manusia atau menghindari celaan mereka, tetapi sebaliknya, bertujuan untuk mencari keredaan Allah SWT. Mencari keredaan Allah SWT adalah matlamat utama setiap umat Islam yang hidup di dunia ini. Jika melakukan kebaikan untuk mendapat pujian manusia atau ganjaran duniawi, itu termasuk dalam perilaku riak yang diharamkan dalam Islam, bahkan dianggap sebagai syirik kecil.

Umat Islam tidak memerlukan pengawasan orang lain terhadap perilaku mereka, apatah lagi bergantung kepada kamera litar tertutup untuk mengelakkan pengkhianatan, kerosakan, atau kejahatan. Cukuplah bagi mereka Allah SWT yang memantau mereka di mana pun mereka berada, baik bersendirian atau di tempat yang tidak ada sesiapa yang memantau.

Jelasnya, terdapat hubungan erat antara integriti dan takwa. Takwa bukan sekadar melakukan kebaikan dan meninggalkan larangan Allah SWT, tetapi juga melibatkan kesedaran yang tinggi akan kehadiran Allah SWT yang sentiasa memerhati kita. Oleh itu, takwa merupakan nilai utama setiap insan, seperti yang disebut dalam al-Quran, Surah al-Hujurat ayat 13:

Maksudnya: *"Orang yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertakwa."*

Integriti, sebagai sebahagian daripada takwa, menuntut kejujuran dalam semua aspek kehidupan, sama ada di khalayak ramai atau ketika bersendirian. Ini termasuklah tidak mengambil apa-apa yang bukan miliknya, apalagi menerima rasuah yang jelas-jelas haram. Seseorang yang menerima atau memberi rasuah jelas tidak mempunyai integriti, dan sayangnya, amalan ini semakin merebak dalam masyarakat kita hari ini di semua bidang, dari rasuah kecil seperti kesalahan trafik hingga rasuah besar bernilai jutaan atau bilion ringgit.

Islam dengan jelas mengharamkan rasuah dan menekankan pentingnya integriti, namun, ramai umat Islam terlibat dalam amalan rasuah. Baginda ﷺ telah memberikan contoh teladan yang tinggi dalam hal integriti, namun sedihnya, tidak ramai yang mengikutinya. Sebagai contoh, pada suatu ketika, Nabi SAW melihat sebiji kurma di jalanan, lalu Baginda bersabda: "Andai aku tidak bimbang kurma tersebut adalah dari harta zakat, pasti aku mengambilnya dan memakannya." Dalam riwayat lain, Baginda melihat cucu kesayangan, Sayidina Hasan, memasukkan sebiji kurma ke mulutnya, dan Baginda dengan cepat mengeluarkannya seraya berkata: "Tidakkah kamu tahu bahawa keturunan kita dari Bani Hashim tidak boleh makan harta zakat?" (Riwayat Muslim).

5. **Kepentingan Modal Sosial Berteraskan Nilai Islam Ke Arah Gerakan Pemantapan Tata kelola Nasional**

Modal sosial secara umum ditakrifkan sebagai fenomena multidimensi yang merangkumi stok norma sosial, nilai, kepercayaan, kewajiban, hubungan, rangkaian, rakan, keanggotaan, keterlibatan sivik, aliran maklumat dan institusi yang memupuk Kerjasama dan tindakan kolektif untuk faedah bersama serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial (Bhandari & Yasunobu, 2009). Terdapat tiga jenis modal sosial seperti ikatan, rapatan dan rantaian (bonding, bridging dan linking). Ikatan berfokus kepada perpaduan sosial melalui Kumpulan rakan sebaya yang sering berdasarkan etnik, lokasi, agama dan nilai bersama yang dapati dilakukan dan diperkukuhkan melalui bekerjasama. Rapatan adalah modal sosial merujuk kepada hubungan atau rangkaian yang melintasi stratifikasi dan identiti sosial yang melibatkan Kerjasama (Bernier & Meinen-Dick, 2014). Modal sosial *linking* sebagai hubungan antara Kumpulan dan komuniti berasaskan sumber, idea dan informasi melibatkan institusi formal. Menerusi modal sosial ini mewujudkan akses kepada institusi yang membawa kepada pencapaian sumber dan memberi kesan perubahan kepada kehidupan (Ruysda Ramly, Sarmila Md Sum, Maisarah, 2022).

Sistem pentadbiran berteraskan tatakelola baik melalui prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, kecekapan dan keberkesanan merupakan agenda utama bagi mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap, berdisiplin dan berintegriti tinggi. Bagi memperkemas dan memperkukuh usaha pemantapan tatakelola dalam sistem pengurusan pentadbiran negara melalui penubuhan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) yang menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) bagi memastikan tindakan segera, berfokus dan lebih berkesan dapat diambil dalam menangani isu-isu kelemahan tatakelola yang boleh menyebabkan ketirisan wang kerajaan, pembaziran serta risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa (Kerajaan Malaysia, 2023).

JKKTN telah bersetuju secara prinsip terhadap Cadangan penggubalan Akta Kebebasan Maklumat pada peringkat Persekutuan dengan mewujudkan parameter dan garis panduan jelas bagi memberi akses kepada orang awam untuk mendapatkan maklumat daripada semua badan awam dan kerajaan. Akta Kebebasan Maklumat ini akan digubal bagi tujuan mempertingkatkan penzahiran maklumat bagi kepentingan awam dan untuk memberi setiap individu peluang untuk mengakses maklumat dengan mana-mana kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan melalui permohonan yang dikemukakan (Parlimen Kelima Belas, 2024).

Tatkala negara dipacu untuk maju dan kadang kala tercemar kerana salah laku serta rasuah, selain keruntuhan nilai, Anwar menyuntik kesedaran dalam kalangan semua pihak untuk menghidupkan semula kekuatan leluhur bangsa dengan nilai murni yang harus dikembangkan semula. Konsep Madani juga meletakkan Islam di kedudukan yang sangat istimewa kepada manusia. Satu di antara konsep penting dalam masyarakat Madani adalah berlakunya keseimbangan dan mampan. Keseimbangan ini memberi keadilan kepada seluruh rakyat tanpa melakukan diskriminasi, kezaliman dan penindasan. Pembangunan Malaysia menepati elemen keterangkuman bagi membina masyarakat bertamadun, bukan sahaja dari aspek fizikal, malah melahirkan modal insan yang cemerlang spritual. Hal ini kerana konsep Madani menitik beratkan kepada masyarakat yang diurus dengan baik dan mencapai tujuan pembinaan peradaban bangsa. Objektif melahirkan masyarakat Madani membolehkan setiap manusia mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan. Maka, maksud pembangunan itu bukan semata-mata terlihat dengan kerangka projek pembinaan yang boleh dilihat dengan mata kasar, tetapi dengan memakmurkan dunia. Konsep ini menekankan aspek tata kelola yang menekankan kepada pelaksanaan terhadap dasar sedia ada terutamanya dalam kemelut politik dan ekonomi yang dihadapi negara sekarang ini. Untuk rekod, terdapat banyak kelemahan dari segi tata Kelola terutamanya rasuah yang berleluasa, isu kemiskinan, gejala sosial dan kemusnahan alam sekitar. Maka konsep ini menekankan aspek tata Kelola dalam pelaksanaan dasar sedia ada terutamanya berdepan kemelut politik dan ekonomi negara sekarang ini.

Walaupun negara ini mempunyai dasar yang baik mengenai perlindungan alam sekitar, namun kemusnahan tetap berterusan. Masih banyak kes rasuah dilaporkan media saban hari. Kita juga disuakan dengan kelemahan dalam menangani isu sosial dan menangani persoalan kemiskinan baik di luar atau di bandar. Ternyata ini bukan kelemahan dasar namun lebih kepada tata kelola, ketirisan dan penyalahgunaan kuasa. Kemajuan negara bukan dinilai dari segi kebendaan atau ekonomi semata-mata, namun lebih penting kemajuan dari segi pemikiran dan peradaban. Dua konsep Madani iaitu ketelusan dan kerjasama. Ketelusan penting kerana menyentuh soal tadbir urus yang baik dan integriti. Manakala kerjasama terserlah melalui gabungan beberapa parti yang berbeza. Semangat ini perlu dibawa dalam konteks pembangunan negara supaya menjadi pemangkin kemajuan negara (Ismail, 2023).

6. Penutup

Islam memiliki landasan yang kuat untuk membangun masyarakat yang berkomitmen terhadap modal sosial. Islam menegaskan komitmen terhadap kontrak sosial dan norma yang disepakati bersama; serta masyarakat Muslim secara intrinsik mengedepankan ta'awun (tolong-menolong), takaful (saling menanggung), dan tadhomun (solidariti).

Ajaran Islam yang diambil dari sumber-sumber naqliyah (berasal dari wahyu) telah terdokumentasikan dengan baik sejak dari awal. Pada masa itu, masyarakat Madinah didorong untuk membangun dan menjaga masyarakat ideal yang sering disebut sebagai masyarakat madani iaitu masyarakat yang menghargai nilai-nilai peradaban. Masyarakat ini memiliki struktur sosial yang kuat, didasarkan pada prinsip moral yang menjamin keseimbangan antara hak dan kewajiban individu

dengan hak dan kewajiban sosial. Salah satu implementasinya adalah melalui praktik good governance yang mengikuti sistem dan hukum yang akuntabel dan transparan.

Dalam ajaran Islam, terdapat doktrin fitrah yang sejalan dengan konsep trust. Setiap manusia lahir dalam keadaan bersih, tanpa dosa turunan. Manusia pada dasarnya baik. Oleh karena itu, dalam hubungan sosial, Islam mendorong untuk berprinsip baik (husn al-dzan) dan melarang ghibah (pencelaan) dan fitnah (pencemaran nama baik). Ajaran ini tercermin dalam kehidupan sehari-hari Nabi Muhammad SAW, terutama dalam bidang dagang sehingga beliau dijuluki sebagai al-Amin (orang yang terpercaya).

Jika diperhatikan, banyak ayat Al-Quran yang membahas ibadah individual seperti solat berjamaah, zakat, kurban, puasa, haji, mahu pun muamalah (transaksi) seperti silaturahmi, anjuran untuk memberi salam, mengunjungi orang sakit, dan lain-lain yang pada dasarnya memperkuat dan sekaligus menjadi instrumen modal sosial. Banyak pula hadis Nabi yang menekankan pentingnya modal sosial, baik di antara sesama muslim mahu pun manusia secara umum.

7. Rujukan

- Ahmad, W. M. (1984). *Kamus al Munawwir*. Yogyakarta: PP Al Munawwir.
- Adler, P. and Kwon, S. (2002) *Social Capital: Prospect for A New Concept*. Academy of Management Research, 27 (1) 17-40.
- Akbar, A., Sudarmin, S., & Tahir, R. (2023). Kajian Modal Sosial Dalam Mendukung Ketahanan Pangan Rumah Tangga Petani Padi Di Desa Boddia Kecamatan Galesong Kabupaten Takalar (Study Of Sosial Capital In Supporting Household Food Security Of Rice Farmers In Boddia Village, Galesong Sub-District, Takalar District). *Jurnal Agribisnis Dan Komunikasi Pertanian*, 6(1), 23–23. <https://doi.org/10.35941/jakp.6.1.2023.10156.23-33>
- Bernier, Q., & Meizen-Dick, R. S. (2014). *Resilience and social capital*. In Building Resilience for Food & Nutrition Security (p. 26). Retrieved from <http://ebrary.ifpri.org/utils/getfile/collection/p15738coll2/id/128152/filename/128363.pdf>.
- Bhandari, H., & Yasunobu, K. (2009). What is social capital? *A comprehensive review of the concept*. *Asian Journal of Social Science*, 37(3). <https://doi.org/10.1163/156853109X436847>.
- Bourdieu, P. (1986). *Forms of capital (241–258)*. Polity Press
- Field, J. (2008). *Social Capital. 2nd Edition*. Routledge 19.
- Field, J. (2017). *Social capital*. Routledge. Taylor & Francis Group.
- Fukuyama, F. (1995). *Trust: The Social Virtues and Creation of Prosperity*. New York: Free Pers.
- Ginandjar, K. (2017). *Memperkuat Modal Sosial Dalam Menghadapi Bencana*. Indonesia; Acara Ulang Tahun ke-19 Universiti Paramadina.
- Hanifan, L. J. (1916). *The Rural School Community Center*.
- Ibn Sa'ad, Muhammad bin Sa'ad. (1968). *al-Tabaqat al-Kubra*. Beirut: Dar al-Sadir. Jid. 1. hlm 184.
- Ismail, R., Mahfodz, N. D., & Sulaiman, N. (2016). Tahap dan Penentu Indeks Modal Sosial di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 34(2), 101–121. <https://doi.org/10.21315/km2016.34.2.5>
- Ismail, S. (2023). Memahami Konsep Malaysia Madani. *Utusan Malaysia Online*. <https://www.utusan.com.my/rencana/2023/01/memahami-konsep-malaysia-madani/>
- Jones, N., Malesios, C., Iosifides, T., & Sophoulis, C. M. (2008). *Social Capital in Greece: Measurement and Comparative Perspectives*. *South European Society and Politics*, 13(2), 175–193. <https://doi.org/10.1080/13608740802156687>
- Kerajaan Malaysia. (2023). *Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional*.

- Lin, N. (1999). *Building a Network Theory of Social Capital*. *Connections* 22 (1), 28-51
- Masiri, I. (2021, October 9). *Hanya kerana sebiji kurma*. IKRAM. <https://ikram.org.my/kerana-kurma/>
- Mohd Zaid, S. H., & Hashim, S. N. A. (2022). Peningkatan Kualiti Modal Insan Untuk Keusahawanan Sosial Islam di Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 53–66. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol3no3.136>
- Musthafa Dieb Al-Bugha, Al-Nawawi, Muhyi Al-Din Mistu, & Sulaiman, I. (2002). *Al-Wafi : syarah Hadits Arba'in Imam an-Nawawi*. Pustaka Al-Kautsar.
- Noor, D. M., Rahmah, I., Noorasiah S. (2015). *Faktor Penentu Modal Sosial di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Parlimen Kelima Belas, (2024). Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga
- Putnam, R. D. (2009). *Diversity, social capital, and immigrant integration: Introductory remarks*. *National Civic Review*, 98(1), 3–5. <https://doi.org/10.1002/ncr.236>
- Rofik & Asyhabuddin. (2005). Nilai-nilai Dasar Islam sebagai Modal Sosial dalam Pengembangan Masyarakat. *Aplikasia, Jurnal Aplikasi Ilmu-ilmu Agama, Vol. VI, No. 2 Desember 2005:175-188*.
- Ruysda, R., Sarmila, M.S., & Maisarah, C.A.(2022). Memperkasakan Komuniti berasaskan Modal Sosial Rantaian dalam Ekosistem Perusahaan Sosial. Kajian pelbagai kes: Pengasas Perusahaan Sosial di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 7, Issue 1, (page 40 - 49), 2022.
- Santeri, A., Kawaid, D., Zohdi, M., Amin, M., Hoque, M., & Zakaria, Z. (2023). *Perspektif Masyarakat Terhadap Keperluan Konsep Muakhah Sebagai Satu Mekanisma dalam Menyelesaikan Masalah Masyarakat Tatkala Krisis*. Retrieved June 4, 2023
- Saukani, N., & Ismail, N. A. (2018). *Identifying the Components of Social Capital by Categorical Principal Component Analysis (CATPCA)*. *Social Indicators Research*, 141(2), 631–655. <https://doi.org/10.1007/s11205-018-1842-2>
- Syakra, R. (2003). Modal Sosial: Konsep Dan Aplikasi. *Jurnal Masyarakat Dan Budaya*, 5(1), 1–22. <https://doi.org/10.14203/jmb.v5i1.256>.
- Woolcock, M. and Narayan, D. (2000). *Social Capital: Implications for development theory, research and policy*. *World Bank Research Observer*, 15(2): 225-49. 21